



**JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
(MAQIS)**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN
PREMIS KUARANTIN HAIWAN KESAYANGAN BAGI
KEMASUKAN MELALUI PINTU MASUK
LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA
PULAU PINANG**

TAHUN 2025

KANDUNGAN

BIL.	BUTIRAN	MUKA SURAT
1.	Pendahuluan	1
2.	Tujuan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Carta Alir Proses Permohonan Premis Kuarantin Haiwan Kesayangan Di Pintu Masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	2
5.	Proses Kerja Permohonan Premis Kuarantin Haiwan Kesayangan Di Pintu Masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang	3 – 5
6.	Borang Pendaftaran Bagi Permohonan Pengisytiharan Premis Kuarantin Haiwan Kesayangan	6 – 8
7.	Lampiran 1 – Contoh Pelan Susun Atur	9
8.	Lampiran 2 – Contoh Papan Tanda Bertiang	10 – 11
9.	Lampiran 2 – Contoh Papan Tidak Tanda Bertiang	12 – 13

Garis panduan pengurusan kuarantin di Premis Kuarantin Haiwan Kesayangan ini boleh berubah dari semasa ke semasa tertakluk kepada arahan Ketua Pengarah selaras dengan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].



(SHAMSUL AKBAR BIN SULAIMAN)

Ketua Pengarah Kuarantin dan Pemeriksaan

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Tarikh: 16.07.2025

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Garis panduan bagi permohonan premis kuarantin haiwan kesayangan di sekitar pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang adalah pelan sokongan susulan penutupan operasi Stesen Kuarantin Haiwan Batu Maung bagi pembinaan bangunan baru Stesen Kuarantin Batu Maung;
- 1.2. Garis panduan ini dikeluarkan bagi pemohon yang mempunyai premis persendirian untuk dijadikan premis kuarantin haiwan kesayangan;
- 1.3. Lokasi premis hendaklah dengan jarak anggaran radius **35 kilometer (km)** daripada pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang;
- 1.4. Garis panduan ini juga adalah untuk memberi panduan kepada pemohon yang terlibat agar mengikut tatacara yang telah ditetapkan;

2. TUJUAN

- 2.1. Garis panduan permohonan premis kuarantin haiwan kesayangan adalah panduan kepada pemohon premis kuarantin untuk memohon pengisytiharan premis kuarantin serta menjalankan aktiviti kuarantin yang tertakluk di bawah Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

3. TAFSIRAN


Binatang - Ertinya binatang yang mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Binatang 1953 [Akta 647] termasuk kuda, lembu, bebiri, kambing, babi, anjing, kucing dan mana-mana binatang liar berkaki empat yang diletakkan dalam kurungan atau di bawah kawalan, daripada sebarang umur dan jantina dan termasuk burung;

Pintu Masuk - Ertinya mana – mana pintu masuk atau pintu keluar sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

Premis Kuarantin - Ertinya mana-mana premis yang diisytiharkan oleh Ketua Pengarah dibawah perenggan 9(g);

Pemunya - Berkenaan dengan barang – barang termasuklah penerima konsainan, pemberi konsain, pengimport, pengeksport, dan ejen atau seseorang yang memiliki, atau mempunyai apa – apa kawalan ke atas, atau kuasa melupuskan apa – apa tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah, mikroorganisma atau makanan;

**CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN PREMIS KUARANTIN HAIWAN KESAYANGAN
DI PINTU MASUK LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG**



PROSES KERJA PERMOHONAN PREMIS KUARANTIN HAIWAN KESAYANGAN DI SEKITAR PINTU MASUK MAQIS LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA PULAU PINANG

PROSES KERJA	KETERANGAN
Penghantaran surat tunjuk minat	Pemohon yang berminat untuk menyediakan dan mendapatkan kelulusan pengisytiharan premis kuarantin haiwan kesayangan sekitar di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang perlu menghantar surat kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) melalui pejabat MAQIS Pulau Pinang bagi menunjukkan minat untuk menyediakan kemudahan premis kuarantin haiwan kesayangan. E-mailkan permohonan ke pejabat MAQIS Pulau Pinang di alamat hqpenang@maqis.gov.my dan salinan kepada bq@maqis.gov.my atau menghubungi nombor telefon MAQIS negeri Pulau Pinang ditalian 04-6451292/96.
Lawatan dan pemeriksaan awal premis	Pegawai MAQIS akan menyemak maklumat premis dan lawatan tapak premis akan dijalankan.
Sekiranya tidak patuh	Pegawai MAQIS akan menghantar surat kepada pemohon jika pemeriksaan awal premis tidak patuh dan pemohon perlu menghantar surat tunjuk minat yang baru. Untuk penghantaran semula permohonan, rujuk kepada proses kerja (permohonan premis kuarantin haiwan kesayangan di sekitar pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang).
Surat maklum balas lawatan dan pemeriksaan awal premis	MAQIS negeri Pulau Pinang akan mengeluarkan surat maklum balas lawatan dan pemeriksaan awal premis bagi memaklumkan lokasi premis tersebut bersesuaian untuk dijadikan premis kuarantin.
Permohonan pendaftaran premis	Pemohon yang telah menerima surat maklum balas bagi pengisytiharan premis kuarantin haiwan kesayangan perlu menghantar surat permohonan rasmi secara bertulis bersama dokumen berkaitan seperti borang pendaftaran bagi permohonan pengisytiharan premis kuarantin haiwan kesayangan (PKHK-01) dan perlu mematuhi keperluan spesifikasi yang dinyatakan dalam borang PKHK-01 kepada Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat MAQIS Putrajaya.
Semakan dokumen pendaftaran	Bahagian Kuarantin, Ibu Pejabat menerima permohonan dari pemohon bersama dokumen dan membuat semakan.

Semakan permohonan	<p>Semak permohonan beserta dengan dokumen yang diperlukan seperti berikut:</p> <p>1) Maklumat Pemohon</p> <ul style="list-style-type: none"> • Surat rasmi permohonan premis kuarantin haiwan kesayangan di sekitar pintu masuk Pulau Pinang kepada Ketua Pengarah MAQIS; • Salinan kad pengenalan/<i>passport</i> pemohon (hadapan dan belakang); • Salinan bil utiliti terkini (Elektrik/ Air); • Salinan sijil pendaftaran syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); • Salinan SSM - Status pemilikan syarikat; • Salinan dokumen status pemilikan premis / tanah; • Salinan surat perjanjian sewaan / pajakan premis tanah (Jika berkenaan/ sijil carian rasmi); dan • Salinan geran tanah pemilik (Jika pemohon menyewa) <p>2) Susun atur / Pelan Lakar:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Lokasi premis / (anggaran jarak radius 35 km daripada pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang); • Susun Atur /Pelan Lakar premis; • Sistem saliran kumbahan dalam keadaan baik; • Sumber air bersih; • Kedudukan <i>foot bath</i> bagi nyahkuman; • Stor simpanan peralatan; • Bilik kuarantin berhawa dingin (premis bertutup) / kipas (premis yang terbuka); • Bilik rawatan haiwan kesayangan; • Ruang senaman bagi haiwan kesayangan (anjing); • Bilik ruang pentadbiran; dan • Gambar premis (hadapan, belakang, sisi dan dalam premis) <p>3) Contoh Susun Atur/Pelan Lakar seperti di lampiran 1.</p>
Permohonan yang diterima lengkap	Audit pemeriksaan premis akan dijalankan.
Sekiranya permohonan tidak lengkap	Pegawai Bahagian Kuarantin mengembalikan semula permohonan kepada pemohon untuk dilengkapi sebelum dihantar semula. Untuk penghantaran semula permohonan, rujuk kepada proses kerja (permohonan premis kuarantin haiwan kesayangan di sekitar pintu masuk Pulau Pinang).

<p>Menghadiri taklimat/kursus pengurusan premis kuarantin</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1) Sekiranya premis kuarantin haiwan kesayangan pemohon diluluskan, pemohon perlu menghadiri taklimat/kursus pengurusan premis kuarantin haiwan kesayangan yang akan dianjurkan oleh pihak MAQIS. 2) Pemilik premis perlu mematuhi syarat-syarat dan keperluan oleh agensi lain seperti pihak berkuasa tempatan atau Majlis Daerah dan lain-lain agensi. (Jika berkaitan). 3) Pemilik premis hendaklah menyediakan papan tanda premis kuarantin dengan spesifikasi yang ditetapkan seperti di Lampiran 2 (Jenis bertiang) atau Lampiran 3 (Jenis tidak bertiang).
<p>Surat dan sijil pengisytiharan premis</p>	<p>Pemohon akan diberikan Sijil Kelulusan Pengisytiharan Premis Kuarantin Haiwan Kesayangan. Setelah mendapat kelulusan, premis boleh menjalankan operasi sebagai premis kuarantin haiwan kesayangan.</p>



JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA
(MAQIS)

DEPARTMENT OF QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES (MAQIS)

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD SECURITY OF MALAYSIA

BORANG PENDAFTARAN BAGI PERMOHONAN PENGISYTIHARAN PREMIS KUARANTIN
HAIWAN KESAYANGAN



A. Maklumat Pemohon

1. Nama Pemohon : _____

_____ - _____ - _____

2. No. Kad Pengenalan : _____

_____ 4. Fax No. : _____

3. No. Telefon Pejabat : _____

5. No. Telefon Bimbit : _____

B. Maklumat Syarikat / Premis

1. No. SSM : _____

2. Nama Premis / Syarikat : _____
(Nama Syarikat / Premis yang akan didaftarkan sebagai Premis Kuarantin)

3. Alamat Premis : _____

_____ 5. No. Faks : _____

4. No. Telefon : _____

6. Alamat Email : _____

7. Alamat Surat Mesyuarat : _____

Milikan Sendiri Pajakan Lesen Pendudukan Sementara Lain-lain : _____

8. Status Tanah : _____

9. Keluasan Premis : _____ Kaki Persegi

10. Jarak Radius Dari Stesen Kuarantin Haiwan KLIA Ke Premis Kuarantin : _____ KM

Nota:

C. Senarai semak dokumen pemohon perlu dilampirkan bersama dan senarai semak adalah seperti berikut:

a) Maklumat Pemohon

- i) Surat Rasmi Permohonan Pengisytiharan Premis Kuarantin Kepada Ketua Pegarah MAQIS
ii) Salinan Kad Pengenalan/Passport Pemohon (Hadapan dan Belakang)

b) Maklumat Premis/ Syarikat

- i) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
ii) Salinan SSM - Status Pemilikan Syarikat
iii) Salinan Dokumen Status Milikan Premis / Tanah
iv) Salinan Surat Perjanjian Sewaan / Pajakan Premis / Tanah (Jika berkenaan)
v) Salinan geran tanah pemilik
vi) Salinan bil utiliti terkini (elektrik/air)

c) Susun atur/Pelan Lakar/ Premis Kuarantin

- i) Lokasi Premis / Syarikat (dalam anggaran radius 15km daripada Stesen Kuarantin Haiwan KLIA)
ii) Pelan Susun atur/Pelan Lakar
iii) Gambar premis (hadapan, belakang, sisi dan dalam premis)

d) Jenis Permohonan Haiwan

Bil.	Jenis Haiwan	Tandakan (/)
1.	Anjing	
2.	Kucing	

D. Senarai Semak Spesifikasi Bagi Permohonan Pengisytiharan Premis Kuarantin Haiwan Kesayangan

BIL.	PERKARA	TANDA (✓)																																															
1.	LOKASI DAN BIOSEKURITI																																																
1.1	Mempunyai hubungan jalan raya yang baik dari jalan utama ke premis kuarantin																																																
1.2	Hanya sebuah pintu digunakan untuk keluar masuk ke dalam premis kuarantin																																																
1.3	Takungan kaki (<i>Foot Bath</i>) untuk pekerja atau pelawat																																																
1.4	Menyediakan penjaga premis																																																
1.5	Sistem kawalan CCTV																																																
1.6	Papan tanda premis																																																
2.	INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN ASAS KANDANG																																																
2.1	Bilangan minimum 4 bilik kuarantin bagi setiap premis kuarantin																																																
2.2	Pengoperasian premis kuarantin 24 jam																																																
2.3	Pengasingan tempat kuarantin anjing dan kucing																																																
2.4	Saiz Ruang Kuarantin Mengikut Jenis Haiwan : <p style="text-align: center;">a. Anjing:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Saiz Haiwan</th> <th>Keluasan lantai minimum (cm²)</th> <th>Lebar minimum (cm)</th> <th>Panjang minimum (cm)</th> <th>Ketinggian minimum (cm)</th> <th>Bilangan maksimum haiwan</th> <th>Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm²)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kurang dari 40 cm</td> <td>15,000</td> <td>90</td> <td>167</td> <td rowspan="3" style="text-align: center;">Tinggi 15 cm dari hujung kepala ke hujung atas sangkar</td> <td>1</td> <td>10,000</td> </tr> <tr> <td>40 – 70 cm</td> <td>24,000</td> <td>100</td> <td>240</td> <td>1</td> <td>12,000</td> </tr> <tr> <td>Lebih 70 cm</td> <td>35,000</td> <td>120</td> <td>292</td> <td>1</td> <td>17,000</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;">b. Kucing:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>Saiz Haiwan</th> <th>Keluasan lantai minimum (cm²)</th> <th>Lebar minimum (cm)</th> <th>Panjang minimum (cm)</th> <th>Ketinggian minimum (cm)</th> <th>Bilangan maksimum haiwan</th> <th>Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm²)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Anak kucing (8-12 minggu)</td> <td>6,000</td> <td>60</td> <td>100</td> <td>50</td> <td>4</td> <td>1,500</td> </tr> <tr> <td>Dewasa</td> <td>6,000</td> <td>60</td> <td>100</td> <td>50</td> <td>1</td> <td>1,500</td> </tr> </tbody> </table>	Saiz Haiwan	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Panjang minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)	Kurang dari 40 cm	15,000	90	167	Tinggi 15 cm dari hujung kepala ke hujung atas sangkar	1	10,000	40 – 70 cm	24,000	100	240	1	12,000	Lebih 70 cm	35,000	120	292	1	17,000	Saiz Haiwan	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Panjang minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)	Anak kucing (8-12 minggu)	6,000	60	100	50	4	1,500	Dewasa	6,000	60	100	50	1	1,500	
Saiz Haiwan	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Panjang minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)																																											
Kurang dari 40 cm	15,000	90	167	Tinggi 15 cm dari hujung kepala ke hujung atas sangkar	1	10,000																																											
40 – 70 cm	24,000	100	240		1	12,000																																											
Lebih 70 cm	35,000	120	292		1	17,000																																											
Saiz Haiwan	Keluasan lantai minimum (cm ²)	Lebar minimum (cm)	Panjang minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm ²)																																											
Anak kucing (8-12 minggu)	6,000	60	100	50	4	1,500																																											
Dewasa	6,000	60	100	50	1	1,500																																											
2.5	Bilik kuarantin berdinding, mempunyai pintu dan dibina menggunakan bahan binaan yang mudah dicuci dan kalis air																																																
2.6	Lantainya dari simen dan tidak mempunyai air yang bertakung (<i>jika berkaitan</i>)																																																
2.7	Mempunyai ruang rawatan yang diasingkan daripada kandang ternakan yang sihat																																																
2.8	Bilik kuarantin berhawa dingin (premis bertutup) / kipas (premis yang terbuka)																																																
2.9	Ruang senaman bagi haiwan kesayangan (anjing)																																																
3.	KAWALAN PENCEMARAN																																																
3.1	Sistem perparitan utama dan kumbahan berfungsi dengan baik																																																
3.2	Mempunyai tempat pelupusan najis																																																
3.3	Mempunyai tempat pelupusan sampah																																																
3.4	Kawalan pencemaran bau (<i>Exhaust Fan</i>)																																																

4.	SUMBER BEKALAN AIR DAN ELEKTRIK	
4.1	Bekalan air bersih	
4.2	Bekalan elektrik (TNB / Solar / Generator)	
5.	PENYIMPANAN DAN PENSTORAN	
5.1	Stor penyimpanan peralatan	
5.2	Menyediakan peralatan keselamatan bagi mengendalikan haiwan kesayangan	
6.	KEMUDAHAN PEKERJA	
6.1	Bilik ruang pentadbiran	

E. PERAKUAN PEMOHON

Saya mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan : _____

Cop Syarikat : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

F. PENGESAHAN

Premis pengimport / pengeksporth ini adalah **DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN** untuk didaftarkan sebagai premis kuarantin.


Tandatangan : _____

Ulasan : _____

Nama Pegawai : _____

LAMPIRAN 1

CONTOH PELAN SUSUN ATUR



PAPAN TANDA BERTIANG



SPESIFIKASI TERPERINCI:

Bahan Papan Tanda:

- Papan tanda hendaklah menggunakan **Aluminium Composite Panel (ACP)** atau **Acrylic**.

Kerangka (Frame):

- Kerangka berongga (**Hollow Frame**) bersaiz **1 inci x 1 inci x 1.2 mm** perlu digunakan.

Logo:

- Kedua-dua logo hendaklah bersaiz **12 inci x 12 inci** dengan format **PNG**.

Tiang Sokongan:

- Gunakan dua tiang jenis **Hollow Square** bersaiz **3 inci x 2 inci x 1.8 mm**, dengan **11ata** ta **6 kaki** dari aras tanah.
- Tiang perlu ditanam ke dalam tanah sedalam **1 kaki** dan diperkukuhkan dengan **concrete bar**.

Garisan Tepi:

- Pastikan garisan tepi papan tanda berukuran **3 inci** tebal dan menggunakan warna kod **#028A0F**.

Jenis dan Saiz Fon:

- Gunakan jenis fon **Arial Bold** dengan saiz **140pt**.

Latar Belakang dan Pelekat:

- **Pelekat reflektif silver** mesti digunakan sebagai latar belakang.
- **Pelekat reflektif hijau** digunakan untuk garisan tepi.
- **Pelekat dengan kemasan matte** digunakan untuk tulisan, nombor, dan logo.

Kaedah Sambungan dan Pemasangan:

- Papan tanda perlu disambung menggunakan **bolt** dan **11ata tau** melalui **kimpalan**.
- Semua **bolt** dan **nat** mesti diperbuat daripada **besi lembut (M.S)** yang telah **digalvani**.

Maklumat Kelulusan dan Tempoh Sah:

- Maklumat **No. Kelulusan** dan **Tempoh Sah** mesti dipaparkan menggunakan **Frame Partition Acrylic Slot**.

PAPAN TANDA TIDAK BERTIANG

← 6' →

4'

 **PREMIS KUARANTIN DILULUSKAN OLEH
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN
PEMERIKSAAN MALAYSIA
(MAQIS)** 

NAMA SYARIKAT :
NAMA PEMILIK :
ALAMAT :
NO. KELULUSAN : _____
TEMPOH SAH : _____

SPESIFIKASI TERPERINCI:

Bahan Papan Tanda:

- Gunakan **Aluminium Composite Panel (ACP)** atau **Acrylic** sebagai bahan utama untuk papan tanda.

Kerangka (Frame):

- Gunakan kerangka berongga (**Hollow Frame**) bersaiz **1 inci x 1 inci x 1.2 mm**.

Logo:

- Kedua-dua logo perlu berukuran **12 inci x 12 inci** dan menggunakan format **PNG**.

Garisan Tepi:

- Pastikan garisan tepi berukuran **3 inci** tebal dan menggunakan warna dengan kod **#028A0F**.

Jenis dan Saiz Fon:

- Gunakan jenis fon **Arial Bold** dengan saiz **140pt**.

Latar Belakang dan Warna Pelekat:

- Gunakan **pelekat reflektif silver** sebagai latar belakang.
- **Pelekat reflektif hijau** digunakan untuk garisan tepi.
- **Pelekat dengan kemasan matte** digunakan untuk tulisan, nombor, dan logo.

Kaedah Pemasangan:

- Papan tanda mesti dipasang menggunakan **bolt** dan **nat** pada setiap penjuru.
- Semua **bolt** dan **nat** perlu diperbuat daripada **besi lembut (M.S)** yang telah digalvani.

Maklumat Kelulusan dan Tempoh Sah:

- Maklumat **No. Kelulusan** dan **Tempoh Sah** mesti dipaparkan menggunakan **Frame Partition Acrylic Slot**.